



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.73 / 2018

SEMUA PIHAK DIMINTA PATUHI UNDANG-UNDANG DAN ETIKA SEPANJANG TEMPOH RASMI BERKEMPEN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menasihatkan semua pihak yang terlibat dalam aktiviti berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.27 Balakong dan DUN N.32 Seri Setia, Selangor agar mematuhi semua undang-undang dan etika berkempen sepanjang tempoh rasmi kempen pilihan raya selama 21 hari yang bermula dari Hari Penamaan Calon sehingga jam **11.59 malam, 7 September 2018**.

2. SPR menyeru agar setiap calon atau parti politik yang bertanding tidak melaksanakan aktiviti kempen yang boleh melanggar undang-undang dan peraturan pilihan raya seperti **aktiviti penjamuan, pemberian hadiah dan barangan, penggunaan kemudahan dan aset Kerajaan, program Kerajaan serta aktiviti kempen yang berunsurkan perkauman serta menyentuh sensitiviti agama**. Sekiranya aktiviti kempen sedemikian berlaku dan disabitkan dengan kesalahan, maka tindakan boleh diambil selaras dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

3. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan proses pilihan raya berjalan dengan aman, harmoni serta tidak menimbulkan kekeliruan kepada pengundi di kedua-dua PRK tersebut, semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin parti politik, calon-calon yang bertanding, penyokong-penyokong parti politik, diminta supaya mematuhi undang-undang, peraturan dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh SPR, PDRM atau pihak berkuasa lain.

4. Sekiranya mana-mana pihak mendapati berlakunya pelanggaran undang-undang dan peraturan semasa tempoh rasmi kempen pilihan raya, SPR menyarankan supaya laporan atau aduan dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan segera bagi membolehkan tindakan selanjutnya dapat diambil.

5. SPR juga mengingatkan semua pihak bahawa pada Hari Mengundi semua bentuk kempen atau aktiviti merayu undi adalah dilarang. Tiada mana-mana pihak yang boleh merayu undi termasuklah melalui saluran media sosial seperti **Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain**.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

DATO' HAJI MD YUSOP BIN HAJI MANSOR

Ahli Suruhanjaya

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 21 Ogos 2018 / Selasa 9 Zulhijjah 1439H